

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA  
MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) KALI KE-DUA DI DEWAN  
SIVIK, ARAU PADA 28 APRIL 2004.**

**BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SELAMAT SEJAHTERA.**

**MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAI,  
TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA  
PERLIS.**

**AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,  
TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INGIN MERAFAK SEMBAH,  
MENJUJUNG KASIH YANG TIDAK TERPERI DI ATAS PERKENAN DULI  
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MALAM  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA BUAT KALI KE-DUA INI.**

**SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA  
KE MAJLIS PADA MALAMINI AMAT BESAR ERTINYA BAGI KAMI DI  
KUKUM. PATIK AMAT TERHARU KERANA TUANKU TIDAK PERNAH  
MENOLAK SEBARANG JEMPUTAN DARI KUKUM. TUANKU BERDUA  
TELAH HADIR KE SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH KUKUM**

**SEPERTI DI MAJLIS BERBUKA PUASA DAN MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG KUKUM 2002 PADA TAHUN LEPAS,  
TAKLIMAT ISTIADAT PERMASYHURAN TUANKU CANSELOR DAN  
PADA DUA MINGGU YANG LEPAS IAITU KE PROGRAM SENAMROBIK  
BERSAMA SELURUH WARGA KUKUM.**

**AMPUN TUANKU,**

**IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU  
YANG HADIR.**

**YANG AMAT BERHORMAT  
DATUK SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN  
YANG BERBAHAGIA DATIN SERI,**

**YANG BERHORMAT  
HAJI SULAIMAN SHAFFIE, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI,**

**YANG BERHORMAT  
TUAN HAJI ABU HASAN BIN SALLEH, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN,**

**YANG BERHORMAT  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN YANG  
BERBAHAGIA ISTERI,**

**YANG BERHORMAT  
PEGAWAI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN YANG  
BERBAHAGIA ISTERI,**

**YANG BERHORMAT  
DATUK-DATUK DAN DATIN-DATIN,**

**DIF-DIF KEHORMAT,**

**YANG BERBAHAGIA  
PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM DAN  
YANG BERBAHAGIA ISTERI,**

**PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,  
KETUA-KETUA JABATAN, DEKAN-DEKAN,  
WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.**

**BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBANAHU WA TAALA KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN - NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA  
BERKAMPUNG SEKALI LAGI DI MAJLIS MALAM ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG KUKUM BUAT KALI KE-DUA DI BANDAR  
DIRAJA YANG PERMAI LAGI MEMPERSONA INI.**

**TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI  
PERHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT  
BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR  
PERLIS INDERA KAYANGAN DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI  
KERANA SUDI HADIR KE MAJLISINI. TAHNIAH DAN SYABAS SEKALI  
LAGI DIUCAPAKAN KEPADA PIMPINAN YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI DI ATAS KEMENANGAN BARISONASIONAL DI NEGERI  
PERLIS PADA PILIHANRAYA BARU-BARUINI. UCAPAN TERIMA KASIH  
JUGA KEPADA SEMUA DIF-DIF KEHORMAT DARI PELBAGAI JABATAN  
DAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI NEGERI PERLIS INI KERANA SUDI  
MELAPANGKAN SEDIKIT WAKTU UNTUK HADIR PADA MALAM YANG**

**PENUH BERMAKNA BAGI KAMI DI KUKUM. KECIL TAPAK TANGAN,**

**NYIRU KAMI TADAHKAN.**

**SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH AHLI  
JAWATANKUASA MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
KERANA TELAH BERTUNGKUS LUMUS DALAM WAKTU YANG CUKUP  
SINGKAT BAGI SEGALA PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN UNTUK MAJLIS  
PADA MALAM INI.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**LAUT MANA YANG TIDAK BEROMBAK, BUMI MANA YANG TIDAK DI  
TIMPA HUJAN. BEGITU LAH IBARATNYA KUKUM. DIAM TAK DIAM  
SUDAH HAMPIR TIGA TAHUN KUKUM BERTAPAK DI BUMI YANG  
BERTUAH INI. SUDAH PELBAGAI KEJAYAAN KITA LAKARKAN  
BERSAMA, SUDAH PELBAGAI ONAK DAN RANJAU KITA HARUNGI JUGA  
BERSAMA. SYUKUR ALHAMDULILLAH KERANA SEGALA UJIAN DAN  
DUGAAN DARI ALLAH SUBBHANA WA TAALA ITU TELAH  
MEMATANGKAN KITA DALAM MENGATUR PERJALANAN. BUKAN  
MUDAH ORGANISASI SEBESAR KUKUMINI DITADBIR KALAU BUKAN  
KERANA PEMUAFAKATAN, ILTIZAM, KOMITMEN SERTA DEDIKASI  
WARGANYA.**

**UNTUK PENGETAHUAN SEMUA KUKUM KINI MEMPUNYAI BILANGAN  
PEKERJA SERAMAI 430 ORANG YANG TERDIRI DARI KUMPULAN**

**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN SOKONGAN. ANGKA  
INI AKAN BERTAMBAH DARI MASA KE SEMASA. DALAM MENTADBIR  
SEBUAH UNIVERSITI, SAYA PERNAH SUARAKAN SEDIKIT MASA LALU  
BETAPA SAYA INI IBARAT NAKHODA KAPAL. TIDAK AKAN BELAYAR  
JAUH KALAU TIADA SOKONGAN DARI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
SEMUA SEBAGAI ANAK KAPAL. KITA HARUS BERKERJA KERAS DALAM  
SATU KUMPULAN. KEJAYAAN TIDAK AKAN DATANG BERGOLEK ATAU  
MELAYANG. IBARAT YANG BIJAK PANDAI BERKATA, ‘TIDAK ADA  
JALAN PINTAS MENUJU KEJAYAAN’. SAYA AMAT BERHARAP TUAN-  
TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA KUKUM SEMUA DAPAT MENERUSKAN  
KESINAMBUNGAN BEKERJA DALAM MEMARTABATKAN NAMA  
UNIVERSITI INI.**

**SAYA JUGA PERCAYA DENGAN PERLANTIKAN TUANKU FAIZUDDIN  
PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAI SEBAGAI  
TUANKU CANSELOR, KUKUM AKAN TERUS CEMERLANG SEBAGAI  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM. IDEA, KOMITMEN SERTA BUAH  
FIKIRAN TUANKU YANG BERNAS YANG DISOKONG DARI LATAR  
BELAKANG, PENDIDIKAN SERTA PENGALAMAN KERJA, TUANKU AKAN  
MAMPU MEMBAWA KUKUM KE MERCU KEJAYAAN MENJADI  
UNIVERSITI YANG DISEGANI SUATU HARI NANTI. INSYALLAH.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**SEBAGAI MENGHARGAI SUMBANGAN SERTA JASA WARGA KERJA**

**KUKUM YANG TELAH BERTUNGKUS – LUMUS MAKAN TERAKAM LAH**

**DETIK YANG BERSEJARAH BAGI SETIAP INDIVIDU YANG AKAN**

**MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI. ANGGAPLAH ANUGERAH INI**

**SEBAGAI PEMBAKAR SEMANGAT TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK**

**TERUS BEKERJA BERSAMA-SAMA SAYA DAN KUKUM. SAYA PERCAYA**

**SUATU HARI NANTI HASIL BERKAT DOA DAN KERJA IKHLAS KITA**

**SEMUA KUKUM AKAN MENJADI CEMERLANG, GEMILANG DAN**

**TERBILANG.**

**UNTUK MAKLUMAN HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI**

**SEKALIAN TERDAPAT TIGA KATEGORI ANUGERAH PADA MALAM INI.**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, ANUGERAH KHAS**

**PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN ANUGERAH KHAS STAF. BAGI**

**KATEGORI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PEMILIHAN**

**DIBUAT BERDASARKAN SISTEM SARAAN MALAYSIA (SSM) IAITU 8%**

**DARIPADA STAF YANG BERKHIDMAT PADA TAHUN 2003 LAYAK**

**DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENERIMA ANUGERAH INI. PENILAIAN**

**AKAN DIBUAT BERDASARKAN LAPORAN PRESTASI 2003. STAF YANG**

**MENDAPAT MARKAH 85% DAN LEBIH ADALAH LAYAK**

**DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENERIMA ANUGERAH INI. KEPUTUSAN**

**PEMILIHAN INI ADALAH DI BAWAH TANGGUNGJAWAN PANEL**

**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA KUKUM BERDASARKAN  
PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN  
2002.**

**UNTUK ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG PULA  
KRITERIA PEMENANG DIBERIKAN KEPADA STAF TETAP DAN  
SAMBILAN YANG TELAH BERKHIDMAT MULAI TEMPOH 1 JANUARI 2003  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2003. STAF YANG MENDAPAT MARKAH 85%  
DAN LEBIH ADALAH DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENERIMA  
ANUGERAH. PENILAIAN JUGA DIBUAT BERDASARKAN KUALITI DAN  
KUANTITI HASIL KERJA YANG CEMERLANG SAMA ADA DI PERINGKAT  
PUSAT, JABATAN DAN UNIVERSITI SERTA USAHA DAN INISIATIF UNTUK  
MENCAPAI KESEMPURNAAN HASIL KERJA DAN PERLAKSANAAN  
DALAM TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN.**

**UNTUK ANUGERAH KHAS STAF PULA ANUGERAHINI DIBERIKAN  
KEPADASTAF TETAP DAN SAMBILAN YANG TELAH MEMBERIKAN  
SUMBANGAN AKTIF DAN CEMERLANG DALAM BIDANG TERTENTU  
SEPERTI SUKAN, KEBAJIKAN, SOSIAL DAN LAIN-LAIN. PENILAIAN  
ADALAH BERDASARKAN KEPADA MASA YANG DILUANGKAN UNTUK  
PENGLIBATAN, USAHA YANG DIJALANKAN UNTUK PENGLIBATAN DAN  
KESAN POSITIF PENGLIBATAN KEPADA MASYARAKAT DAN KUKUM.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**KUAT AKAR KERANA TUNJANG, KUAT TUNJANG KERANA AKAR.  
BEGITU LAH HENDAKNYA KITA SEMUA. SAYA MAHU DALAM APA JUA  
PERKARA YANG ANDA SEMUA LAKUKAN TANAMKAN LAH SIFAT  
MUAFAKAT. KEPADA PEMENANG ANUGERAH PADA MALAM INI  
SYABAS SAYA UCAPKAN. PUN BEGITU TIDAK BERERTI MEREKA YANG  
TIDAK MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI BELUM CUKUP  
BAGUS. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA ADALAH PEMENANG DI  
HATI SAYA KERANA TANPA ANDA SEMUA KUKUM TIDAK AKAN  
BERDIRI MEGAH SEPERTI HARI INI.**

**SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI SAYA INGIN SEKALI  
LAGI BERPESAN KEPADA SELURUH WARGA KERJA KUKUM BEKERJA  
LAH BERSUNGGUH-SUNGGUH DEMI MEMAJUKAN AGAMA, BANGSA  
DAN TANAHAIR. RENUNGKAN LAH SEJENAK MADAH CENDIAKAWAN  
BARATINI:**

**‘THINGS WE DO TODAY WILL CHANGE OUR LIVES  
TOMORROW’**

**AMPUN TUANKU,**

**SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA SEKALI LAGI PATIK  
INGIN MERAFAK SEMBAH MENJUJUNG KASIH YANG TIDAK  
TERHINGGA KEPADA DULI TUANKU BERDUA BERANGKAT KE MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG INI. PATIK SUDAHI DENGAN**

**WABILLAHITEAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.**